


TAJUK : IKHLAS DALAM KEHIDUPAN



A. ISI TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG DISEDIAKAN DI BAWAH.

هَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ	لِدُنْيَا يُصِيبُهَا	مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ
إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ		امْرَأَةٍ

B. PENUHKAN TEMPAT KOSONG DENGAN PERKATAAN YANG SESUAI.

GANJARAN	KEDUNIAAN	NIAT	WANITA	BERHIJRAH
-----------------	------------------	-------------	---------------	------------------

Maksud hadis di atas :

Amirul Mukminin Abu Hafs Umar bin Al Khattab r.a berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda,
 “ Sesungguhnya setiap amalan berasaskan _____ dan sesungguhnya bagi seseorang itu berdasarkan apa-apa yang diniatkannya. Sesiapa yang _____ kerana Allah SWT dan rasulNya, maka hijrahnya itu kepada Allah SWT dan rasulNya (diterima dan diberi _____): dan sesiapa yang berhijrah kerana tujuan _____ yang ingin diperolehinya, ia akan mendapatnya atau sesiapa yang berhijrah kerana _____ yang ingin dinikahinya, maka hijrahnya akan mendapat apa yang diniatkannya”.

C. PADANKAN MAKSUD IKHLAS

Maksud Ikhlas dari segi bahasa

Semua amalan zahir dan batin yang dilakukan semata-mata mengharapkan keredaan Allah tanpa menyekutukannya dengan yang lain.

Maksud Ikhlas dari segi istilah

Bersih dan suci daripada kotoran yang mencemarkan

D. KEPENTINGAN IKHLAS

1. Terhindar daripada hasutan _____.
2. Mendapat perlindungan _____.
3. _____ diterima Allah SWT.
4. Hidup menjadi _____.

tenang
Amal ibadat
Syaitan
Allah SWT

E. PENGAJARAN HADIS

Sia-sia	Allah SWT	ikhlas	riak
meyakini	ibadat	keredaan	ganjaran

- a. Kita hendaklah melakukan _____ dengan niat yang _____ agar ibadat kita diterima Allah SWT.
- b. Kita hendaklah menjauhi sifat _____ dan ingin menunjuk-nunjuk agar amalan tidak _____.
- c. Umat Islam hendaklah ber niat kerana _____ dalam setiap amalan agar mendapat _____ Allah SWT.
- d. Umat Islam hendaklah _____ bahawa Allah SWT akan memberikan _____ kepada hambaNya yang ikhlas.